

19/12/2003

Megat akur keputusan parti

Misiah Taib; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti berhubung kedudukannya pada pilihan raya umum akan datang.

Megat Junid berkata, beliau sedikitpun tidak berkecil hati dengan pengumuman Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, yang tidak menyenaraikan semula nama beliau sebagai calon untuk pilihan raya umum akan datang.

"Kenyataan itu dibuat oleh Menteri Besar, bukan pucuk pimpinan tertinggi parti. Saya tidak ada perasaan apa-apa.

"Bagi saya terpulang kepada pucuk pimpinan parti menentukan nasib saya.

"Saya akan akur dengan apa saja keputusan parti," katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas kenyataan Tajol Rosli kelmarin yang mengumumkan tidak menyenaraikan semula Megat Junid serta tiga lagi calon yang kalah pada Pilihan Raya Umum 1999.

Tiga calon itu ialah Abd Latif Mat Ali (Titi Serong), Saikidol Mohd Noor (Gunung Semanggol) dan Ismail Hasbollah (Bota).

Megat Junid memberi jaminan beliau tetap bersama Umno dan berjuang untuk parti.

Beliau juga enggan mengulas mengenai dua lagi calon yang kalah tetapi disenaraikan semula.

"Tapi harus diingat... sedangkan Tun Dr Mahathir Mohamad pun pernah kalah dalam pilihan raya," katanya.

Dua calon terbabit ialah Ketua Umno bahagian Parit Buntar, Abdul Rahman Suliman yang kalah kepada calon Pas, Datuk Dr Hassan Ali di Parlimen Parit Buntar dan Ketua Umno Bahagian Parit, Datuk Zaim Abu Hassan yang kalah kepada calon Pas, Dr Faizol Fadzil Mohamed di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Belanja.

Di IPOH, Setiausaha Umno bahagian Parit, Ismail Hasbollah, berkata Tajol Rosli tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan mengenai siapa yang digugurkan daripada menjadi calon, bagi mengelak sebarang spekulasi negatif.

"Itu bukan tindakan bijak kerana kenyataan sebegitu boleh memecah-belahkan perpaduan ahli. Setiap pemimpin ada pengikut dan pengikut ada rasional masing-masing.

"Bagi saya, saya sudah mengisytiharkan diri di depan beliau sendiri dan pimpinan bahagian bahawa saya bersetuju memberi jawatan Timbalan kepada Datuk Nasaruddin Alang Saidin dan saya tidak berminat menjadi calon pilihan raya.

"Sejak 1960-an lagi calon Parit datang dari luar. Calon kawasan Parlimen dan DUN mesti diisi dengan anak jati, bukan calon payung terjun," katanya, sambil meminta agar resolusi mesyuarat agung bahagian Mei lalu supaya ahli jawatankuasa bahagian dipilih sebagai calon, dipatuhi.